

	Muka
Lawatan DYMM Sultan Brunei ka Kapal Perang Amerikan Pine Island	1
Wakil2 Brunei ka Persidangan Kementerian Commonwealth	2
Lawatan Pesuroh Jaya Tinggi ka Brunei Pada Masa Sambutan Hari Keputeraan DYMM Sultan	2
Ma'lumat Berkenaan Dengan Chara2 Mengibarkan Bendera Pada Masa Sambutan Hari Keputeraan DYMM Sultan	3
Bakal Jema'ah2 Haji Dari Brunei Pada Tahun 1957	4
Pertunjokan Tanam2an Sanegeri Brunei	4
Kesatuan Islam Mulai Menjalankan Kutipan Derma Kebajikan	5
Wakil2 Brunei ka Kongres Bahasa Melayu di Singapura	6
Lawatan Pancharagam Tentera Udara Diraja ka Brunei	6
Perkhidmatan Pesuroh Jaya Tinggi Brunei	7
Sambongan Undang2 Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei	7
Sambutan Hari Keputeraan DYMM Sultan di Brunei Sports Club	8
Pelawat2 dan Pelumba2 dari Brunei ka Perlumbaan Diayer di Kuching	8

Sambongan undang-undang Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei dengan kapal Kerajaan Brunei. Sambutan dari Tentera Udara, Pekan Brunei pada pukul 9.30 pagi hari tersebut dan juga di Kapal Perang itu dan jawapannya.

Pada masa kapal British tiba berlepasiran Kapal Perang itu, maka kapal itu telah menyambut di dan marian sebagai menghormati lawatan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Baginda berada diatas Kapal Perang itu. Kapal itu telah mengibarkan Panji2 Pirek Brunei dan begitu juga kapal British.

Yang Maha Mulia telah ditempuh oleh Commander kapal Perang tersebut ketika tiba diatas Kapal dan pada masa perlepasan berada diatas Kapal itu kesemuanya telah diarahkan ke beberapa tempat. Dalam masa perlepasan telah

LAWATAN DYMM SULTAN BRUNEI KA KAPAL PERANG AMERIKANPINE ISLAND

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dengan diikuti oleh 3 putera2 dan 3 puteri2 Baginda, telah membuat suatu lawatan muhibbah ka Kapal Perang Amerikan Pine Island yang telah berlaboh tidak jauh dari Sapo Point, Brunei pada hari Ithnin 27 August, 1956 sebagai tetamu kapada Commander Kapal Perang itu.

Diantaranya yang mengiring Duli Yang Maha Mulia Sultan ka Kapal Perang itu ialah Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Pemancha; British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White; Setia Usaha Sulit kapada Baginda, Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar; Juru Iring kapada Baginda, Pengiran Anak Omarali; Chief Police Officer Brunei, Mr. A.N. Outram; Pegawai Marine Negeri, Captain J.K. Corrigan; Pegawai Penerangan Negeri, Inche' Suhaimi bin Haji Amin; Penolong Pegawai Penerangan Negeri, Pengiran Mohamed Yusuf A.R., dan lain2nya.

Rombongan tersebut telah berangkat ka Kapal Perang itu dengan kapal Kerajaan Brunei, Bolkih dari Tambatan Customs, Pekan Brunei pada pukul 9.00 pagi hari tersebut dan tiba di Kapal Perang itu dua jam kemudian.

Pada masa kapal Bolkih tiba berhampiran Kapal Perang itu, maka kapal itu telah menimbakan 21 das meriam sebagai menghormati lawatan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Semasa Baginda berada diatas Kapal Perang itu, kapal itu telah mengibarkan Panji2 Diraja Brunei dan begitu juga kapal Bolkih.

Duli Yang Maha Mulia telah disambut oleh Commander Kapal Perang tersebut ketika tiba diatas kapal dan pada masa para pelawat berada diatas kapal itu kesemuanya telah dibawa melihat ka beberapa tempat, dalam mana penerangan2 telah diberi oleh pihak2 yang berkenaan. Para pelawat itu juga telah diraikan dengan jamuan minuman.

Rombongan tersebut telah berada diatas kapal itu satu jam. Mereka telah berangkat balek ka Pekan Brunei pukul 12 tengah hari dan tiba di Tambatan Customs kira-kira pukul 2.15 petang.

Kapal Perang Amerikan Pine Island itu telah tiba dari Okinawa pada lewat petang hari Juma'at 24 August. 7 1/2"

kapal itu ... 12" ... chara2 ...

kapal itu berada disini, Pegawai2 dan anak2 buah kapal itu telah melawat ka Pekan Brunei pada tiap2 hari, menekala Commander Kapal Perang itu telah menjadi tetamu kapada Yang Berhormat British Resident, Brunei.

Orang ramai dari Brunei telah diberi peluang melawat ka Kapal Perang itu pada hari2 Ahad dan Ithnin, 26 dan 27 August, dalam mana Pejabat Marine Brunei telah menyediakan sebuah kapal yang khas berulang alek diantara Tambatan Customs, Pekan Brunei dan kapal itu. Selain daripada itu, 12 orang kanak2 Sekolah telah menjadi tetamu kapada kapal tersebut pada hari Ahad 26 August.

WAKIL2 BRUNEI KA PERSIDANGAN KEMENTERIAN COMMONWEALTH

Yang Mulia Pengiran Maharaja Laila dan Yang Mulia Pengiran Kerma Indra telah berangkat dari Brunei ka Singapura dengan kapal terbang melalui Labuan pada 29 August, 1956 kerana mengambil bahagian dalam Persidangan Daerah Persekutuan Kementerian Commonwealth, Chawangan2 Malaya dan Borneo British yang dilangsungkan di Singapura mulai dari hari tersebut dan diteruskan selama sepuluh hari.

Wakil2 dari Negeri Brunei itu bersama2 Wakil2 dari lain2 daerah2 termasuk Borneo Utara dan Sarawak akan menghadiri pembukaan Persidangan Kali Yang Kedua Majlis Mashuarat Undangan Singapura sebelum Persidangan Persekutuan Kementerian Commonwealth itu bersidang.

Salapas menghadiri Persidangan tersebut, Wakil2 dari Brunei itu pula akan berangkat dari Singapura ka Kuching kerana menghadiri Perlumbaan Diayer di Kuching pada minggu yang kedua bulan ini.

LAWATAN PESUROH JAYA TINGGI KA BRUNEI PADA MASA

SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN

Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Sir Anthony Abell, K.C.M.G., D.K., yang telah kembali semula ka Sarawak setelah menyempornakan chuti panjangnya di United Kingdom, akan menghadiri Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin, yang jatohnya pada hari Ahad 23 September, 1956.

Adalah difahamkan bahawa Tuan Yang Terutama itu akan menyampaikan Pingat2 Kehormatan Tahun Baharu, 1956 yang telah dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Besar Baginda Queen Elizabeth II kepada dua daripada tiga orang dari Brunei yang telah diberi Pingat2 Kehormatan itu pada masa Tuan Yang Terutama itu berada di Brunei, iaitu:

Martabat O.B.E. Kehormat ("Honorary Officer of the Order of the British Empire") kapada Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Peharamat Mulia Duli Pengiran Pemancha yang juga memegang Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri

Martabat M.B.E. Kehormat ("Honorary Member of the Order of the British Empire") ...

of the British Empire") Bahagian Awam, kepada Mr. Tze Shuan Sung, Guru Besar Sekolah China Chung Hwa, Kuala Belait.

Sementara itu, kenyataan2 telah dikeluarkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak akan menerima hadiah2 dalam Istiadat yang akan diadakan di Lapau sebagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada pagi hari Ahad 23 September. Hanya lah ucapan2 saja yang akan dibaca dan diterima.

Adalah dijangka bahawa ucapan2 akan dilafadzkan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Brunei; Yang Berhormat British Resident Brunei; Wazir2 Yang Pertama dan Yang Kedua Negeri Brunei dan oleh Chief Kathi Brunei.

Ucapan2 tahniah dari kaum2 dan pertubohan2 di Negeri ini tidaklah akan dibaca di Istiadat di Lapau, sebagai mana yang telah diadakan pada tahun2 yang lalu.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei juga akan menganugerahkan Pingat2 Kebesaran Hari Keputeraan Baginda Yang Ka 40 di Istiadat di Lapau.

MA'LUMAT BERKENAAN DENGAN CHARA2 MENGIBARKAN BENDERA


PADA MASA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN

Menurut suatu Ma'lumat yang diberi oleh Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei, kesemua penduduk2 dari segala bangsa yang mendiami didaerah2 diseluruh Negeri Brunei, adalah dikehendaki mengibarkan bendera2 mulai daripada hari Sabtu 22 September hingga ka hari Juma'at 28 September, 1956 sebagai mera'ikan Hari Keputeraan Yang Ka 40, Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Bendera2 yang dikibarkan adalah seperti disebutkan di bawah ini:


- (a) Pehin2 mengikut warna bendera masing2;
- (b) Pengiran2 yang ada bendera mengikut warna bendera masing2;
- (c) Warga Negara Brunei, selain dari yang disebut di (a) dan (b) menaikan Bendera Ra'ayat;
- (d) Penduduk2 dari luar negeri yang bukan Warga Negara Brunei, hendaklah menaikan Bendera Brunei.

Bendera2 Brunei yang hendak dikibarkan pada masa tersebut, hendaklah dibuat dengan mengikut ukoran dan chara2 susunan warna seperti rajah yang dibawah ini:



Ukoran dan chara2 ...

Ukuran dan chara2 susunan warna Bendera Ra'ayat yang disebutkan di Muka 3 adalah saperti rajah yang dibawah ini:



BAKAL JEMA'AH2 HAJI DARI BRUNEI PADA TAHUN 1957

Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei telah mengeluarkan Ma'lumat bahawa penduduk2 di Brunei yang hendak berangkat ka Tanah Suci kerana menunaikan fardzu Haji pada tahun 1957, hendaklah mendaftarkan nama2 mereka di Pejabat itu dengan saberapa segera, dan tidaklah lewat daripada 10 December, 1956.

Sebab pun yang dijalankan langkahhan tersebut mulai dari sekarang ialah kerana menunaikan permintaan daripada Pesuruh Jaya Haji di Malaya, supaya dapatlah disediakan terlebih dahulu tempat2 dudok bagi bakal jema'ah2 Haji itu dalam kapal2 Haji pada tahun hadapan dan juga kerana mengelakan kegendalaan.

PERTUNJOKAN TANAM2AN SANEGERI BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Brunei telah menyempornakan Istiadat Pembukaan Rasmi Pertunjukan Tanam2an Sanegeri Brunei yang telah diadakan di tingkat2 bawah dan atas Sekolah Melayu Sultan Mohammed Jamal-ul-Alam, Pekan Brunei pada 25 haribulan August, 1956.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, dengan diiringi oleh Isteri kapada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara ; Istori kapada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, dan Isteri kapada Pengiran Anak Kemaluddin, serta Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar telah tiba di tempat Pertunjukan Tanam2an itu pada pukul 10 pagi hari tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah tiba kemudian dan diantara orang2 yang hadir di Istiadat itu ialah British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White dan Penyimpan Wang Negeri, Mr. E.W. Cousens.

Sasudah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri membukakan Pertunjukan itu dengan mengguntingkan pita yang diregangkan di pintu masuk ka Sekolah tersebut, maka Baginda bersama dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan diiringi oleh Pegawai Pertanian Negeri, Inche' Hamidon bin Awang Damit telah melawat ka

seluruh tempat Pertunjukan . . .

seluruh tempat Pertunjukan. Kemudian Duli Yang Maha Mulia Sultan pun berpisah.

Hadih2 kapada orang2 yang berjaya dalam pertunjukan itu telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Piala Perak Pusingan yang dihadihkan oleh Mem Trumble untok pertunjukan Pertukangan Perak yang terbaik sekali telah dimenangi oleh Awang Tahir bin Awang Umar dari Kampong Ayer.

Pertunjukan berbagai2 jenis tanam2an, buah2an, bunga2, binatang2 ternak, barang2 perbuatan tangan dan sebagainya telah diadakan dengan mendapat sambutan yang baik dari para pelawat.

Sayugia disebutkan bahawa Persekutuan Palang Merah British, Chawangan Brunei telah mengadakan satu pertunjukan berkenaan dengan Derma2 Darah di satu tempat di Pertunjukan Tanam2an tersebut, dalam mana penerangan2 telah diberi supaya dapatlah orang ramai mengetahui faedah2 yang diperolehi dari darah yang didermakan itu bagi menyelamatkan jiwa ma'nusia. Sebagai hasil dari Pertunjukan mengenai Derma Darah itu, beberapa orang penderma2 darah yang baharu telah dengan sukarela mendaftarkan nama2 mereka ditempat itu juga.

Dibahagian lain terdapat sabuah Sharikat Pertukangan Kayu di Brunei kepunyaan seorang China tempatan yang telah menunjukan berbagai2 jenis perkakas perbuatannya seperti meja, korsi, almari dan lain2 perkakas rumah termasuk tempat menaruh "Radiogram" yang dibuat oleh Sharikat itu.

Melihat kapada segi perbuatan pertukangan kayu itu, dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan daripada perkakas2 itu adalah lebih baik dari perkakas semacham itu yang dibawa masuk ka Brunei dari Hongkong atau Singapura.

Pegawai Pertanian Negeri, Inche' Hamidon bin Awang Damit, dalam ucapannya pada masa dilakukan istiadat pembukaan rasmi Pertunjukan Tanam2an tersebut telah meminta kapada orang ramai supaya menchapai peluang yang diberi oleh Kerajaan bagi membantu hal ehwal tanam2an dan pemeliharaan binatang2 ternak oleh penduduk2 di Negeri ini.

Dalam ucapannya itu, Pegawai Pertanian Negeri menegaskan bahawa Pejabatnya akan sentiasa memberi pertolongan kapada orang ramai bagi memajukan hal ehwal tersebut sekiranya pertolongan itu dikehendaki. Meskipun pihak Kerajaan telah membuka peluang hendak memberi pertolongan dalam hal ehwal tanam2an dan pertanian, katanya, tetapi hanya sabilangan kecil sahaja yang telah tampil kemuka.

Seterusnya Pegawai Pertanian Negeri itu telah meminta kapada penduduk2 di Negeri ini supaya lebih banyak lagi diantara mereka dapat menambahkan hasil tanam2an dan pertanian mereka pada masa akan datang dan bukanlah semata2 berasa kepuasan hati atas apa yang mereka melihat ditemasha Pertunjukan Tanam2an itu sahaja.

KESATUAN ISLAM MULAI MENJALANKAN KUTIPAN DERMA KEBAJIKAN

Suatu tabong derma kebajikan bagi membantu orang2 yang mendapat kemalangan dan keluarga2 orang2 yang mendapat kemalangan telah dimulakan baharu2 ini oleh Persatuan Kesatuan Islam, Chawangan Pekan Brunei.

Persetujuan kerana mengutip ...

Persetujuan kerana mengutip derma dari orang ramai telah pun dibenarkan oleh pihak Kerajaan Brunei bagi membantu perkara yang berkebakaran itu.

Usaha bagi menjalankan pekerjaan tersebut telah mulai dibuat setelah berlaku satu kemalangan yang membawa maut di Sungei Brunei sedikit hari dahulu, menekala seorang buruh Melayu, Timbang bin Tahir telah digigit oleh saekor buaya pada masa ia sedang menjala ikan berdekatan Kampong Tamoi, dengan meninggalkan seorang balu dan enam orang anak2 yang kecil.

Persatuan Kesatuan Islam akan memberi pertolongan wang kepada anak2 yatim Timbang bin Tahir yang sedang menuntut pelajaran dibangku2 Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamal-ul-Alam, Pekan Brunei dan di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei. Satu Jawatan Kuasa yang mengandungi 5 orang telah dilantik kerana mengurus perkara tersebut.

Sebarang derma bolehlah dihantarkan kepada Setia Usaha Tabung Kebajikan Masharakat, Persatuan Kesatuan Islam, Bandar Brunei, c/o Melayu & Company, Bandar Brunei.

WAKIL2 BRUNEI KA KONGRES BAHASA MELAYU DI SINGAPURA

Adalah difahamkan bahawa Persatuan Guru2 Melayu Brunei akan menghantarkan 2 orang Wakil2nya menghadiri Kongres Bahasa Melayu yang akan diadakan di University of Malaya, Singapura dari 16 hingga 21 September, 1956.

Wakil2 tersebut ialah Inche' Hussain bin Mohd. Yusuf, Setia Usaha Agong Persatuan itu dan Inche' Ibrahim bin Sa'id, Setia Usaha Persuratan Persatuan itu.

Berhubung dengan lawatan mereka menghadiri Kongress Bahasa Melayu di Singapura, Kerajaan Brunei telah menderma wang sebanyak \$ 500, menekala Persatuan Guru2 Melayu Brunei pula telah mendermakan \$ 600.

Sementara itu kita mendapat faham bahawa Party Ra'ayat Brunei juga akan menghantarkan dua orang Pegawai2nya menghadiri Kongres tersebut, iaitu Inche' S.M. Salleh dan Inche' Zaini Haji Ahmad.

Persatuan Ikhwanul Muslimin Daerah Belait juga difahamkan akan menghantarkan Wakil2nya ka Kongress Bahasa Melayu itu.

LAWATAN PANCHARAGAM TENTERA UDARA DIRAJA KA BRUNEI

Dalam siaran yang lalu, kita telah menyiarkan bahawa rombongan Pancharagam Tentera Laut Diraja British akan melawat ka Brunei pada bulan ini dan mengambil bahagian dalam temasha sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei. Yang sebenarnya ialah Pancharagam Tentera Udara Diraja British akan melawat ka Negeri ini dan mengambil bahagian dalam temasha tersebut.

PERKHIDMATAN PESUROH JAYA TINGGI BRUNEI

Adalah diumumkan bagi pengetahuan orang ramai bahawa Duli Yang Maha Besar Baginda Queen Elizabeth II, telah dengan suka-chitanya melanjutkan masa perkhidmatan Sir Anthony Abell, K.C.M.G., D.K., sebagai Governor dan Panglima Agong Negeri Sarawak serta juga sebagai Pesuruh Jaya Tinggi Negeri Brunei hingga 3 April, 1959.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI BRUNEI

(Sambongan dari Pelita Brunei No. 13.)

Saorang perempuan yang mempunyai suami bolehlah membuat permintaan hendak bercherai kapada saorang Kathi dengan mengikut Hukum Shara'.

Didalam sebarang perkara, Kathi itu hendaklah memerintah-setuju atas kehendak isterinya itu atau tidak, dan sekiranya si suami itu bersetuju atas percheraian itu, hendaklah Kathi meminta sebagai mana yang ditetapkan didalam Undang2. Kemudian hendaklah Kathi itu mengeluarkan surat2 cherai dan berikan surat2 itu kapada pihak2 yang berkenaan.

Sekiranya si suami itu tidak bersetuju atas percheraian itu akan tetapi keduanya itu bersetuju bercherai dengan tebus Talak, maka bolehlah Kathi itu taksirkan jumlah pembayaran yang kena dibayar oleh si isteri itu dengan mengikut taraf dan keadaan kedua2 pihak itu dan hendaklah Kathi itu tatkala dibayar belanja2 yang ditetapkan dalam Undang2, memerintahkannya si suami itu menebus Talak. Kemudian hendaklah ia mendaftarkan serta mengeluarkan surat2 akuan cherai sebagai mana yang diterangkan diatas.

Jika sekiranya si suami itu tidak bersetuju atas percheraian dengan tebus Talak, bolehlah Kathi itu melantekan saorang Hakim dengan mengikut sebagaimana yang disharatkan didalam Undang2.

Saorang perempuan yang telah berkahwin bolehlah membuat permintaan kapada Kathi, jika ia berhak bercherai menurut Hukum Shara' dengan mengikut syarat2 yang terkandung dalam Surat Ta'alek, supaya mengishtiharkan dengan sahnya bahawa percheraian itu telah berlaku.

Hendaklah Kathi itu memeriksa Surat Ta'alek itu dan membuat penyiasatan yang yang perlu berkenaan dengan percheraian itu mengikut Hukum Shara', mengisahkan percheraian itu, dan dengan membayar pembayaran yang ditetapkan didalam Undang2, mendaftarkan serta mengeluarkan surat2 cherai sebagaimana yang diterangkan diatas.

Saorang perempuan yang telah berkahwin bolehlah membuat permintaan dengan chara perda'waan didalam Mahkamah Kathi bagi membicarakan pernikahan itu, atau dengan Fasakh mengikut Hukum Shara'.

Didalam mana2 perkara yang demikian, hendaklah Mahkamah jika boleh, menyerahkan surat perbicharaan kapada si suami itu, atau, jika berpuas hati dengan keterangan sumpah atau ikrar bahawa si suami itu tidak berada didalam Negeri ini, atau ianya tidak dapat dimisalkan, hendaklah menyerahkan surat perbicharaan itu kapada waris chari, hendaklah menyerahkan surat perbicharaan itu kapada waris si suami itu yang tinggal didalam Negeri ini, atau jika tidak ada sasaorang pun keluarga si suami itu, menampalkan surat perbicharaan itu dirumah si suami itu didalam Negeri ini yang diperchayai si suami itu tinggal sebelum ia berangkat ka lain negeri.

(B E R S A M B O N G)

SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN DI BRUNEI SPORTS CLUB

Suatu Majlis Tari Menari serta Peraduan Pakaian Beragam terbuka kepada sebarang orang akan diadakan di Brunei Sports Club pada hari Khamis 20 September, 1956 mulai dari pukul 7.30 malam, sebagai salah satu dari ranchangan2 sambutan Hari Keputeraan Yang ka 40, Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Sekiranya chuacha baik, pada malam itu, maka temasha tersebut akan diadakan dikawasan badminton persekutuan tersebut dimana akan dihias dengan lampu2 elektrik yang berwarna warni dan lain2 alat perhiasan yang khas.

Pasokan Pancharagam Sarawak Constabulary akan bermain lagu2 yang merdu dan sukaramai pada sepanjang masa.

Bayaran masok ialah dengan tiket, iaitu \$ 2 bagi saorang lelaki dan saorang perempuan, atau saorang lelaki sahaja dan orang2 yang memegang tiket2 yang bernasib baik akan diberi hadiah2 yang berharga. "Barbecue" (dibuat dengan daging kambing) dan lain2 jenis makanan serta minuman akan dijual pada sepanjang masa.

Orang2 yang hendak mengambil bahagian dalam Peraduan Pakaian Beragam, hendaklah hadir di persekutuan tersebut sebelum pukul 9.30 malam hari yang terma'lum, kerana mereka dikehendaki mengambil bahagian mulai dari pukul 10.00 malam.

Hakim2 peraduan tersebut adalah terdiri dari Yang Berhormat Mr. D.C. White, Mem A.N. Outram, Mem E.M.P. Melvin, Mr. S.J. Clark dan Mr. Chow Hsi Hsuan. Hadiah2 kepada pehak2 yang berjaya didalam peraduan itu akan diberi saperti berikut:

(1) Pakaian perempuan yang terbaik sekali; (2) Pakaian lelaki yang terbaik sekali; (3) Pakaian kelakar oleh perempuan yang terbaik sekali; (4) Pakaian kelakar oleh lelaki yang terbaik sekali; (5) Pakaian pasangan lelaki dan perempuan yang terbaik sekali dan (6) Dua hadiah2 sagu hati kepada lelaki dan dua hadiah2 sagu hati juga kepada perempuan.

Selain dari Peraduan Pakaian Beragam, berbagai2 jenis peraduan tarian akan diadakan ditemasha tersebut dan hadiah2 akan diberi kepada pehak2 yang menang.

Tiket2 masok ka temasha tersebut boleh dapat dibeli mulai sekarang daripada: Pegawai Penerangan Negeri, Inche' Suhaimi Haji Amin; Mr. P. Carson, dari Pejabat British Resident, Brunei; Snowman; dan Brunei Sports Club.

PELAWAT2 DAN PELUMBA2 DARI BRUNEI KA PERLUMBAAN DIAYER DI KUCHING

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin akan berangkat ka Kuching, Sarawak pada 7 September kerana menyaksikan Perlumbaan Diayer yang akan diadakan disana pada minggu yang kedua bulan ini. Baginda akan diiringi oleh Yang Berhormat Mr. D.C. White, British Resident, Brunei; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Juru Iring kepada Baginda, Pengiran Anak Omarali; Pengiran Ali bin Pengiran Daud; Pengiran Mohd. Yusuf A.R., Penolong Pegawai Penerangan Negeri; Pengiran Damit dan Mr. Francis Newn. Kesemuanya itu akan berlepas ka Kuching dengan kapal terbang Sharikat Minyak, British Malayan Petroleum Company Limited.

Seratus orang lagi akan belayar ka Kuching kerana menyaksikan dan mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut. 50 orang akan belayar dengan kapal Bolkih pada 4 September, dan 50 orang lagi akan belayar disana pada 5 September dengan kapal Kenyalang.